

**Kerjasama Malaysia-China Tumpu Empat Jenayah
Bernama
13 September, 2012**

PUTRAJAYA, 13 Sept (Bernama) -- Usaha sama Malaysia dengan China dalam memerangi jenayah rentas sempadan akan memfokuskan kepada empat jenayah - pemerdagangan manusia terutama wanita dan kanak-kanak, penyeludupan dadah, keganasan dan jenayah siber.

Mengumumkan demikian, Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin berkata keempat-empat jenayah terbabit bukan sahaja berlaku di negara masing-masing, tetapi memerlukan kerjasama serantau dan di peringkat antarabangsa berikutan sindiket terlibat mempunyai rangkaian di peringkat itu.

"Empat jenayah ini merupakan perkara pokok yang boleh menjejaskan keselamatan di setiap negara.

"Kita perlu mendepaninya pada banyak aspek. Sementara menanganinya di tempat sendiri, oleh kerana dunia sekarang tanpa sempadan, kita juga perlu menanganinya di negara punca," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kerjasama Antarabangsa, Kementerian Keselamatan Awam China Zhang Ju Fen di pejabatnya di sini Khamis.

Kedua-dua negara menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) mengenai usaha sama itu pada satu majlis di Beijing, China 2 Ogos lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=694417>